

Ciri-ciri Linguistik Buku Teks Bahasa Arab Darul Quran JAKIM: Satu Analisis

BITARA

Volume 6, Issue 3, 2023: 155-168
© The Author(s) 2023
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 25 May 2023
Accepted: 25 June 2023
Published: 1 August 2023

[Linguistic Features of Darul Quran JAKIM Arabic Textbook: An Analysis]

Mohd Khairul Akhbar Jahiruddin¹, Zulazhan Ab. Halim², Mohamad Azwan Kamarudin*³

- 1 Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa-Bahasa Timur Tengah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, MALAYSIA
Email: akhbarnp@um.edu.my
- 2 Pusat Pengajian Bahasa Arab, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin UniSZA, Malaysia
E-mail: zulazhan@unisza.edu.my
- 3 Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: azwankamarudin@ukm.edu.my

*Corresponding Author: azwankamarudin@ukm.edu.my

Abstrak

Kajian kebolehbacaan teks berbahasa Arab di Malaysia mula berkembang sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Kajian kebolehbacaan teks sebegini sebenarnya bertitik tolak daripada keperluan menilai semula kualiti pembelajaran bahasa Arab yang sekian lama diamalkan selama ini. Tidak seperti bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain yang telah membangunkan pelbagai formula untuk tujuan tersebut. Atas dasar itu, kajian ini dijalankan sebagai satu langkah penerokaan awal ke arah mengenal pasti ciri-ciri linguistik yang berpotensi menjadi peramal kesukaran kepada pembangunan formula kebolehbacaan teks berbahasa Arab dalam kalangan bukan penutur jati di Malaysia. Untuk tujuan tersebut, kajian ini bakal mengenal pasti dan menganalisis ciri-ciri linguistik Arab yang terdapat dalam buku teks bahasa Arab bagi program pengajian Diploma Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat, Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia yang dijadikan sebagai sampel kajian. Kajian ini berpendekatan kualitatif dengan mengguna pakai kaedah analisis kandungan. Data terkumpul dianalisis secara deskriptif untuk melihat ciri-ciri dominan yang mungkin berkait dengan tahap kebolehbacaan buku teks berkenaan. Analisis menunjukkan penggunaan ayat mudah, ayat kompleks dan ayat nama di tahap sederhana. Walau bagaimanapun, penggunaan ayat kompleks adalah lebih tinggi daripada ayat mudah dan ayat namaan pula lebih tinggi daripada ayat kerjaan. Terdapat bilangan kata yang biasa dan kerap digunakan yang tinggi, namun tiada sebarang jenis kata yang mencapai majoriti daripada keseluruhan bilangan kata. Kajian ini mencadangkan bahawa teks dalam buku kursus bahasa Arab yang dipelajari oleh pelajar peringkat diploma di Darul Quran JAKIM haruslah sesuai dengan tahap penguasaan bahasa Arab mereka. Ciri-ciri linguistik yang terkandung di dalamnya sewajarnya berperanan meningkatkan kebolehbacaan pelajar terhadapnya.

Kata kunci: ciri linguistik teks, bahasa Arab, kebolehbacaan, Darul Quran JAKIM

Abstract

The study of the readability of Arabic texts in Malaysia began to develop in recent years. The study of the readability of such texts is actually a point of departure from the need to re-evaluate the quality of learning Arabic which has been practiced for a long time. Unlike English and other languages that have developed various formulas for that purpose. On that basis, this study was conducted as an initial exploratory step towards identifying linguistic characteristics that have the potential to be predictors of difficulty in the development of Arabic text readability formulas among non-native speakers in Malaysia. For that purpose, this study will identify and analyze the Arabic linguistic features found in Arabic textbooks for the Tahfiz Al-Quran and Al-Qiraat Diploma study program, Darul

Quran Department of Islamic Development Malaysia which is used as a study sample. This study has a qualitative approach by using the method of content analysis. The collected data is analyzed descriptively to see the dominant characteristics that may be related to the level of readability of the textbook. The analysis shows the use of simple sentences, complex sentences and noun sentences at a moderate level. However, the use of complex sentences is higher than simple sentences and nominal sentences are higher than verb sentences. There is a high number of common and frequently used words, but no word type reaches the majority of the total number of words. This study suggests that the text in the Arabic language course book studied by diploma level students at Darul Quran JAKIM should be appropriate to their level of Arabic language proficiency. The linguistic features contained in it should play a role in improving the student's readability of it.

Keywords: linguistic features of the text, Arabic language, readability, Darul Quran JAKIM.

Cite This Article:

Mohd Khairul Akhbar Jahiruddin, Zulazhan Ab. Halim & Mohamad Azwan Kamarudin. (2023). Ciri-ciri Linguistik Buku Teks Bahasa Arab Darul Quran JAKIM: Satu Analisis [Linguistic Features of Darul Quran JAKIM Arabic Textbook: An Analysis]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(3): 155-168.

Pengenalan

Pemilihan teks bacaan bahasa Arab yang sesuai untuk pengajaran dan pembelajaran perlu dilakukan dengan penuh teliti dan menepati respons positif pelajar. Hal ini adalah perlu memandangkan konteks Malaysia menyaksikan peluang atau akses untuk mempraktikkan bahasa Arab adalah terhad. Selain itu, pemilihan teks bacaan ini juga adalah perlu untuk proses pembelajaran kerana ia bakal membantu meningkatkan minat pelajar dan membantu mereka menguasai bahasa tersebut dengan lebih berkesan. Pelajar perlu diberikan lebih autonomi untuk menyesuaikan pembelajaran agar ia berpusatkan dirinya sendiri. Untuk lebih berdikari dan aktif dalam pembelajaran, pelajar dicadangkan agar mencari bahan bacaan tambahan dan bukan hanya bergantung kepada guru (Pintrich, P.R., 1999). Kebolehbacaan pula adalah satu proses interaktif antara ciri-ciri pembaca dan ciri-ciri teks yang dibaca. Tahap kebolehbacaan diukur menggunakan kaedah-kaedahnya yang tertentu seperti formula kebolehbacaan berbentuk persamaan matematik yang menganggarkan tahap kebolehbacaan teks berdasarkan ciri-ciri linguistik teks. Anggaran tahap kebolehbacaan tersebut umumnya mengukur tahap kesesuaian teks dengan perkembangan pendidikan pembaca, iaitu dari segi tahap pendidikan yang diperlukan untuk membaca dan memahami sesuatu teks (Zamanian & Heydari, 2012). Walau bagaimanapun, kajian mengenai kesesuaian ciri-ciri linguistik (seperti ciri-ciri perkataan dan ayat) dalam buku teks bahasa Arab merupakan satu bidang kajian yang agak baharu di Malaysia. Pengukuran kebolehbacaan teks bahasa Arab dan kajian kebolehbacaan bahasa Arab juga masih lagi asing terutama di Malaysia (Kamarulzaman, 2011), tidak seperti pengukuran kebolehbacaan bahasa Inggeris yang sudah lama diterokai dan terus berkembang sehingga kini (al-Khalifa & al-Ajlan, 2010).

Sorotan Literatur

Sorotan literatur bagi kajian ini akan menyentuh mengenai ciri-ciri linguistik dalam sesebuah teks dan keterkaitannya dengan kebolehbacaan teks tersebut pada diri pembaca.

Perkataan/ Kosa Kata

Perkataan atau perbendaharaan kata atau juga dikenali dengan kosa kata telah dikesan menjadi faktor yang paling penting dalam menentukan tahap senang-sukar sesuatu teks. Penentuan tahap tersebut berasaskan tanggapan bahawa perkataan yang sukar akan menyukarkan teks untuk dibaca dan difahami dan begitulah sebaliknya. Kosa kata adalah aspek paling penting dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Ia merupakan unsur yang paling utama dalam mana-mana pembelajaran mana-mana bahasa (Mat Taib, 2006). Perkataan atau kosa kata adalah titik permulaan dalam mempelajari sesuatu bahasa. Kosa kata ini atau dalam bahasa Arabnya disebut sebagai *mufradat* perlu diletakkan pada kedudukan yang tinggi yang perlu dikuasai pelajar dalam silibus-silibus pembelajaran bahasa (Khatijah & Hakim, 2018). Hal ini sejajar dengan pandangan Gu (1998), Harun & Zawawi (2014), Zainur et al. (2015) dan Abdul Razif et al. (2016) yang berpandangan bahawa penguasaan kosa kata dan penguasaan bahasa mempunyai hubungan yang sangat rapat dan saling berkait antara satu sama lain. Menurut Harrison (1980), semenjak kurun ke 19 lagi para penyelidik akan mengambil kira faktor perkataan apabila mereka mengkaji tahap kesukaran sesuatu teks, bahkan terdapat beberapa kajian yang secara konsisten mendapati bahawa perkataan adalah satu-satunya faktor tunggal yang boleh meramal tahap kesukaran teks.

Menurut Klare (1969), faktor utama yang memberi kesan pada kebolehbacaan ialah faktor perkataan. Setelah menelusuri soal selidik dan kajian kuantitatif yang dijalankan oleh pakar terhadap pembaca, Chall (1974) merumuskan bahawa perkataan mempunyai faktor yang signifikan dalam menentukan keserasian sesuatu bahan bacaan dengan pembaca. Bahkan elemen perkataan ini sebenarnya bersifat universal kerana dalam mana-mana bahasa di dunia ini, ia sentiasa bersama dengan struktur ayat yang merupakan faktor utama yang menentukan sama ada kompleks atau tidak sesuatu prosa. Atas sebab itu tidak hairanlah mengapa kesemua formula kebolehbacaan dicipta berasaskan faktor perkataan dan struktur ayat (Khadijah Rohani 1982).

Terdapat pelbagai cara yang digunakan oleh pengkaji untuk mencari perbezaan antara perkataan yang sukar dan mudah (Chall, 1974 dan Harrison, 1980). Walau bagaimanapun, pengukuran kepanjangan perkataan (*word length*) dan pengukuran kekerapan perkataan (*word frequency*) adalah dua cara yang sering digunakan. Untuk mengukur kepanjangan perkataan, jumlah patah perkataan atau suku kata perkataan akan dihitung. Manakala kekerapan perkataan diukur berdasarkan kekerapan penggunaan perkataan yang terdapat dalam senarai kosa kata tertentu. Secara mudahnya, penentuan kesukaran ini dinilai melalui set senarai kosa kata yang diklasifikasikan pada tahap sukar.

Pengiraan jumlah suku kata perkataan menjadi salah satu asas kepada pengukuran menggunakan formula kebolehbacaan. Sebagai contoh, formula kebolehbacaan bahasa Melayu yang dicipta oleh Khadijah Rohani (1982, 1987) dibina berasaskan kiraan jumlah suku kata

dalam 100 perkataan. Menurut beliau, kajian terdahulu menunjukkan semakin banyak suku kata semakin susah untuk difahami perkataan itu kerana terdapat lebih banyak unit makna yang harus diketahui oleh pembaca.

Selain daripada pengukuran berdasarkan jumlah suku kata perkataan, terdapat beberapa formula yang menggunakan faktor kekerapan perkataan sebagai ukuran. Sebagai contoh, formula Dale-Chall menggunakan senarai 3000 kosa kata Dale (*The Dale list of 3000 words*) sebagai asas menentukan kesukaran perkataan (Harrison 1980). Menurut Gunning (1968), senarai kosa kata Dale ini sangat berkait rapat dengan pengukuran berdasarkan jumlah suku kata perkataan kerana hanya satu perkataan sahaja mempunyai lebih dari tiga suku kata dalam setiap 25 perkataan yang tersenarai. Formula lain yang menggunakan faktor kekerapan perkataan ialah formula Winnetka, formula Yoakam, formula Spache dan formula Lexile Framework.

Apa yang perlu ditekankan di sini ialah kesahan dan kebolehpercayaan formula kebolehbacaan sebagai salah satu alat ukur kebolehbacaan menunjukkan bahawa faktor perkataan sememangnya tidak boleh diabaikan. Untuk mengukur tahap kebolehbacaan bahan bacaan bahasa Arab, ia boleh dilakukan melalui asas yang diguna pakai oleh formula, iaitu menggunakan faktor kekerapan perkataan berdasarkan senarai kosa kata bahasa Arab yang terpiawai. Bahkan pakar-pakar dalam bidang kurikulum bahasa Arab seperti Tu'aymah (1985), al-Naqah dan Yunus (1999) menyarankan kepada penyusun-penyusun buku teks bahasa Arab supaya merujuk kepada senarai kosa kata tertentu dalam menentukan kesesuaian dan tahap kebolehbacaan teks dalam buku mereka.

Pokok-pangkalnya, aspek yang terpenting dalam menentu sahkan dan membentuk kebolehpercayaan formula kebolehbacaan ialah faktor perkataan. Oleh itu, bagi membina formula kebolehbacaan bahan bacaan bahasa Arab, faktor kekerapan perkataan berdasarkan senarai kosa kata bahasa Arab yang terpiawai perlu digunakan. Saranan ini turut dinyatakan oleh pakar-pakar bidang kurikulum bahasa Arab seperti Tu'aymah (1985), dan al-Naqah dan Yunus (1999). Penggubal buku teks bahasa Arab perlu merujuk kepada set kosa kata tertentu bagi menetapkan kesesuaian dan tahap kebolehbacaan teks dalam buku yang diterbitkan.

Kajian ini akan menggunakan senarai kosa kata bahasa Arab yang disusun oleh Wan Rusli Ahmad, Muhammad Sabri Sahrir dan Badrul Aini Sha'ari (2021) berjudul 'Senarai Perkataan Paling Kerap Berulang dalam Bahasa Arab'. Buku ini sangat sesuai dipilih sebagai rujukan dalam kajian ini kerana ia berkait dengan penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar-pelajar Melayu di institusi-institusi pengajian tinggi di seluruh Malaysia. Buku ini mengumpulkan sebanyak 3650 patah perkataan yang diadaptasi daripada buku Senarai Mekah atau (قائمة مكة للمفردات الشائعة) yang diterbitkan oleh Universiti Umm al-Qura di Mekah pada tahun 1984. Terdapat sebanyak 5000 patah perkataan yang disenaraikan dalam buku tersebut. Buku ini merupakan senarai yang paling terkini memaparkan perkataan-perkataan yang sering ditemui setelah disaring daripada buku Senarai Mekah. Buku ini juga telah menyaksikan beberapa perubahan yang dilakukan daripada senarai asal.

Ayat

Faktor kedua terpenting yang dilihat untuk mengukur tahap kebolehbacaan sesuatu teks selepas kosa kata atau perkataan ialah faktor ayat. Kajian kebolehbacaan yang melibatkan ciri-ciri linguistik teks bahasa Arab seperti al-Khalifa dan al-Ajlan (2010), Kamarulzaman (2010), dan Zulazhan (2012) mendapati bahawa perkataan biasa dan kerap, ayat kompleks serta purata panjang ayat mempunyai korelasi dengan tahap kebolehbacaan teks. Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab oleh penutur bukan Arab di Malaysia, ayat namaan menyumbang kepada kebolehbacaan teks. Hal ini adalah kerana pelajar Melayu terutamanya, lebih mahir menggunakan ayat namaan berbanding ayat kerja kerana struktur ayat namaan hampir sama dengan struktur ayat namaan dalam bahasa Melayu.

Terdapat dua cara menganggar kesukaran struktur ayat. Cara yang paling popular ialah dengan mengukur kepanjangan ayat berdasarkan bilangan perkataan dalam ayat. Cara kedua pula adalah dengan menghitung bilangan ayat-ayat kompleks dan mudah dan membandingkan antara kedua-duanya dari segi peratusan. (Chall 1974; Klare 1969).

Majoriti formula kebolehbacaan seperti formula Dale-Chall, The Fox Index, formula Spache, formula Farr, Jenkins dan Paterson, formula Flesch-Kincaid dan formula Lexile Framework menganggar kesukaran ayat berdasarkan kepanjangan. Menurut dapatan kajian, ayat panjang mempunyai struktur tatabahasa yang lebih rumit berbanding ayat pendek. Kerumitan struktur tatabahasa ini menimbulkan kesukaran pemahaman teks kerana sistem ingatan perlu mengaitkan beberapa bahagian perkataan sebelum satu bahagian yang jelas dan bermakna wujud (Khadijah Rohani, 1987).

Manakala pengukuran berdasarkan peratusan ayat mudah berbanding ayat kompleks adalah berdasarkan dapatan kajian yang menyatakan bahawa semakin banyak ayat selapis maka semakin senang sesuatu bahan bacaan itu difahami. Ayat yang berlapis adalah lebih kompleks dan lebih susah untuk difahami. Oleh itu semakin banyak ayat berlapis yang digunakan, semakin sukar sesuatu bahan bacaan itu (Khadijah Rohani 1987).

Kajian dalam kalangan penutur Arab oleh Badi (1982) menunjukkan faktor panjang ayat dan struktur tatabahasa yang kompleks memberi kesan kepada kesukaran membaca dan memahami teks Arab. Masalah ini yang wujud dalam bahasa Arab (Jad 2003) menyebabkan pakar-pakar bahasa menyarankan kepada penulis-penulis buku teks supaya mengutamakan ayat-ayat mudah dan selapis dan mengurangkan ayat-ayat panjang dan kompleks (al-Baqir 2008; Tucaymah 1998; al-Qasim Bani Sacb 2009). Hasil kajian Badi (1982) itu tadi selari dengan hasil kajian dalam kalangan penutur Melayu. Kajian kebolehbacaan buku teks Bahasa Arab Tinggi yang dijalankan oleh Kamarulzaman (2010) terhadap pelajar tingkatan empat di sekolah-sekolah menengah kebangsaan agama di Malaysia menunjukkan tahap kesukaran buku teks pada aspek penggunaan gaya bahasa adalah tidak setara dengan keupayaan bahasa pelajar. Walaupun ayat-ayat sintaks mudah digunakan, namun apabila digabungkan, ayat tersebut menjadi panjang dan kompleks.

Justeru, ciri-ciri linguistik dalam teks seperti di peringkat kata dan ayat adalah amat perlu diberi perhatian untuk dipadankan dengan perkembangan penguasaan bahasa pelajar.

Kekerapan dan Kebiasaan Perkataan

Kekerapan dan kebiasaan perkataan ditentukan dengan menghitung kadar kekerapannya dalam teks yang dikaji berdasarkan senarai kosa kata yang terpiawai. Kajian ini memilih faktor kekerapan dan kebiasaan perkataan sebagai pembolehubah kerana ia merupakan salah satu asas kepada penubuhan beberapa formula kebolehbacaan bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Manakala pakar-pakar dalam bidang kurikulum bahasa Arab seperti Tu‘aymah (1985), al-Naqah dan Yunus (1999) menyarankan kepada penyusun-penyusun buku teks bahasa Arab supaya merujuk kepada senarai kosa kata tertentu dalam menentukan kesesuaian dan tahap kebolehbacaan teks dalam buku mereka.

Pada kebiasaan pengkaji-pengkaji kebolehbacaan sebelum ini, mereka menggunakan senarai kosa kata khas untuk mengukur kekerapan dan kebiasaan perkataan yang terdapat dalam teks-teks ujian kloz mereka. Antara yang masyhur di peringkat sekolah menengah adalah senarai kosa kata yang di keluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk Kurikulum Dini sekolah menengah seperti yang digunakan oleh Fadzli (2022). Kajian Abdul Rahman Chik (1994) pula menggunakan ‘Senarai Mekah’ yang disusun oleh Tamam Hasan et. al (1984). Senarai kosa kata ini selalu digunakan oleh pengkaji linguistik Arab terutamanya dalam bidang kebolehbacaan teks Arab di Malaysia.

Walaupun bagaimanapun, oleh kerana kajian ini dijalankan ke atas buku dan juga pelajar di institusi pengajian tinggi, maka pengkaji akan menggunakan senarai kosa kata terbaharu yang dihasilkan oleh Sabri Shahrir, Wan Rusli dan Badrul Aini (2021) bersama sekumpulan pelajar dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dengan mengadaptasi Senarai Mekah iaitu senarai kosa kata bagi perkataan berulang sebanyak 5000 patah perkataan yang diterbitkan oleh Universiti Umm al-Qura di Mekah pada tahun 1984. Sebanyak 3650 patah perkataan yang disenaraikan dalam senarai kosa kata yang paling baharu ini. Antara sebab lain pemilihan ini adalah belum terdapat senarai kosa kata Arab khusus untuk pelajar diploma Darul Quran yang disediakan pihak JAKIM. Senarai ini akan digunakan untuk analisis kekerapan dan kebiasaan perkataan yang terdapat dalam teks-teks yang digunakan dalam penyelidikan ini.. Selain itu, kajian ini juga akan mengguna pakai enam ciri lain yang berkait dengan kosa kata atau perkataan bahasa Arab berdasarkan hasil dapatan kajian-kajian terdahulu yang telah dibuat oleh Abdul Rahman Chik (1994); Muhammad Bakhit (1998); Muhammad Rozman (2003); Abd Razak (2004); Che Radiah (2006); Muhammad dan Idris (2006); Ropiah dan Rahimi (2006); Kamarulzaman (2010); Rosni (2012); Zulazhan (2012); Ahmad Sabri (2015) dan Fadzli (2022). Enam ciri-ciri yang dimaksudkan ialah :

- i. Kata serapan
- ii. Kata konkrit
- iii. Kata abstrak
- iv. Kata berderivasi
- v. Kata berimbuan
- vi. Kata dasar.

Kompleksiti Ayat

Ayat kompleks atau dalam bahasa Arabnya *al-jumlah al-murakkabah* merupakan antara faktor utama yang boleh mempengaruhi kebolehfahaman teks. Ciri utama yang dipilih sebagai pemboleh ubah ayat dalam analisis linguistik teks ini ialah kekerapan ayat kompleks berbanding ayat mudah. Selain daripada ciri tersebut, kajian ini juga memilih satu lagi ciri tambahan, iaitu ayat namaan dan ayat kerjaan berdasarkan dapatan kajian-kajian terdahulu yang dinyatakan sebelum ini dan dapatan kajian Che Radiah (2006), Kamarulzaman (2010), Rosni (2012), Ahmad Sabri (2015), Zulazhan (2012) dan Fadzli (2022). Berikut adalah jadual ciri-ciri perkataan dan ayat yang menjadi asas kepada analisis linguistik dalam kajian ini :

Jadual 1: Ciri-ciri perkataan dan ayat

Kategori	Ciri	Contoh
Perkataan	Kekerapan dan Kebiasaan	(Perkataan yang tersenarai dalam Buku Senarai Perkataan)
	Kata serapan Arab dalam bahasa Melayu	مسجد، علم، يقين
	Kata konkrit	بيت، مدرسة، سيارة
	Kata abstrak	اجتهاد، تصور، استفهام
	Kata berderivasi	فاتح، مفتوح، مفتاح
	Kata berimbuhan	فاعل، تفعل، استفعال
	Kata dasar	قام، كتب، درس، ركب
Ayat	Ayat namaan dan kata kerja	محمد طالب، ذهب محمد إلى المدرسة
	Ayat mudah dan kompleks	زيد قائم، لا زيد قائم ولا عمرو جالس.

Kaitan Antara Ciri Linguistik dan Kebolehbacaan

Terdapat beberapa kajian yang agak terhad bilangannya menyentuh mengenai ciri-ciri linguistik sesebuah teks yang melahirkan kesesuaian teks dengan tahap penguasaan bahasa pembaca. Kajian berkaitan ciri linguistik kebolehbacaan di Malaysia seperti Kamarulzaman, Ahmad Sabri dan Nik Mohd Rahimi (2014) memfokuskan ciri-ciri tersebut dalam konteks pembelajaran bahasa asing di Malaysia. Kajian tersebut mengenal pasti ciri-ciri linguistik yang meramalkan kesukaran dalam formula kebolehbacaan teks Arab dalam kalangan penutur bukan asli Arab di Malaysia. Dapatan menunjukkan bahawa tiga peringkat linguistik iaitu peringkat perkataan, peringkat ayat dan kepadatan kandungan mempunyai taburan penggunaan yang tidak seimbang. Lima ciri linguistik yang paling konsisten dalam penggunaan teks bacaan ialah di peringkat ayat dan kepadatan kandungan. Kecenderungan ciri ayat dan kepadatan isi dalam menentukan kesukaran membaca 15 teks Bahasa Arab Tinggi (BAT) Tingkatan 4, iaitu buku teks bahasa Arab lanjutan, adalah tinggi secara konsisten. Kajian ini bagaimanapun hanya menggunakan satu buku teks dalam meninjau corak ciri linguistik Arab dalam konteks pengukuran kebolehbacaan.

Persoalan yang timbul ialah, dalam penyediaan dan pemilihan bahan bacaan yang sesuai, apakah ciri asas kebolehbacaan teks untuk penutur bukan jati, dan apakah perbezaan antara ciri linguistik dalam buku teks mengikut tahap pelajar? Kebolehbacaan teks Arab tidak begitu diteliti seperti kebolehbacaan teks bahasa Inggeris (Kamarulzaman, Ahmad Sabri dan Nik Mohd Rahimi 2014). Sememangnya penilaian kebolehbacaan teks Arab dan kajian kebolehbacaan bahasa Arab adalah terhad, terutamanya dalam konteks Malaysia (Kamarulzaman 2011). Seperti yang dinyatakan oleh Khadijah Rohani (1989), ciri-ciri linguistik dalam buku-buku teks bahasa Arab dan perbezaan-perbezaannya yang merentasi teks agak kurang diteliti di Malaysia. Hal ini memerlukan gerak langkah dan tindakan yang sewajarnya daripada para penyelidik baharu dalam bidang berkaitan.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis ciri-ciri linguistik Arab yang terdapat dalam buku teks bahasa Arab Diploma Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat, Darul Quran JAKIM.

Metodologi Kajian

Untuk mencapai objektif kajian, kaedah analisis kandungan digunakan. Pengkaji menganalisis tiga teks yang terdapat dalam buku teks bahasa Arab Diploma Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat, Darul Quran JAKIM dengan mengenal pasti ciri-ciri linguistik yang terdapat di dalamnya sebelum menganalisisnya. Data terkumpul dianalisis secara deskriptif untuk melihat ciri-ciri dominan yang mungkin berkait dengan tahap kebolehbacaan buku teks berkenaan dan peratusan. Buku yang menjadi subjek kepada kajian kebolehbacaan ini ialah buku teks bahasa Arab yang berjudul *al-Lughah al-Arabiah (al-kitab al-muqarar a'la tullab diblum tahfiz al-Quran wa al-Qiraat)*. Buku teks ini disusun oleh penggubal yang merupakan barisan tenaga pengajar dari Jabatan Bahasa, Darul Quran JAKIM. Buku teks yang dipilih untuk kajian ini merupakan buku semester keempat dan edisi cetakan pertama tahun 2013 yang dicetak di Jabatan Bahasa Arab Darul Quran JAKIM dengan bilangan muka surat berjumlah 108 muka surat. Buku teks ini terbahagi kepada 3 bahagian, iaitu 1) *al-Muthala'ah* dan *al-Insya'*, 2) *al-Nahwu wa al-Sarf* dan 3) *al-Balaghah*. Fokus kajian ini adalah terhadap bahagian pertama buku teks ini sahaja, iaitu bahagian *al-Muthalaah*. Hal ini demikian kerana pengukuran kebolehbacaan hanya boleh dilakukan kepada bahagian yang mengandungi teks sahaja. Pada bahagian ini terdapat empat teks yang didatangkan dalam tiga hingga empat muka surat untuk setiap teks. Kajian ini menggunakan 3 teks di bahagian *al-Muthalaah* dan ia sudah mencukupi untuk maksud mencapai objektif kajian ini. Senarai kesemua tiga tajuk yang terkandung pada bahagian ini adalah sebagaimana dalam jadual 2 berikut:

Jadual 2: Senarai kandungan bahagian al-Muthala'ah buku teks bahasa Arab Darul Quran

Bil.	Tajuk	Muka Surat
1.	الحوار عن حوادث السير	1-3
2.	علم النفس الإسلامي	16-19
3.	قصة قصيرة عن شن طبقة	24-26

Dapatan dan Perbincangan

Ciri-Ciri Linguistik Arab Dalam Buku Teks Bahasa Arab *Al-Lughah Al-Arabiah (Al-Kitab Al-Muqarar A'la Tullab Diblum Tahfiz Al-Quran Wa Al-Qiraat)*

Setelah dibuat analisis dari aspek analisis linguistik terhadap teks-teks bahasa Arab dalam buku teks bahasa Arab *al-Lughah al-Arabiah (al-kitab al-muqarar a'la tullab diblum tahfiz al-Quran wa al-Qiraat)*, maka dapatan dibentangkan dengan dua jenis kategori:

Kategori perkataan / kosa kata

Pada peringkat perkataan yang digunakan oleh teks ini didapati terdapat tujuh item yang penting dalam penguasaan kosa kata bahasa Arab yang dilihat dalam kajian ini iaitu Kekeperan & Kebiasaan Perkataan, Kata Serapan, Kata Konkrit, Kata Abstrak, Kata Berimbuhan, Kata Berderivasi dan Kata Dasar (Kata Kerja). Analisis dibuat ke atas setiap teks.

Jadual 3: Kekeperan dan peratusan ciri linguistik mengikut kategori perkataan

Kriteria	Teks 1 (420 patah perkataan)		Teks 2 (451 patah perkataan)		Teks 3 (380 patah perkataan)		Jumlah (1252 patah perkataan)	
	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>F</i>	%	<i>f</i>	%
	Kekerapan & Kebiasaan Perkataan	201	47.85	181	40	169	44.47	551
Kata Serapan	14	3.3	26	5.76	14	3.6	54	4.31
Kata Konkrit	29	6.9	17	3.76	10	2.6	56	4.47
Kata Abstrak	207	49.2	147	32.59	92	24.2	446	35.6
Kata Dasar	37	8.8	28	6.2	64	16.8	129	10.3
Kata Berimbuhan	9	2.1	19	4.2	30	7.89	58	4.63
Kata Berderivasi	25	5.95	11	2.4	10	2.63	46	3.67

Ciri kekeperan dan kebiasaan perkataan dikira berdasarkan Senarai Kosa kata UIAM (2021). Ukuran yang diambil kira ialah bilangan perkataan yang terdapat dalam senarai kosa kata tersebut. Setiap perkataan yang terdapat dalam senarai kosa kata tersebut dianggap sebagai perkataan yang biasa dan mudah. Dalam Jadual 4.8 di atas, 47.85% dari jumlah perkataan dalam

Teks 1 terdapat dalam Senarai Kosa Kata UIAM (2021). Demikian juga dengan Teks 2 dan Teks 3, di mana 40% dan 44.47% dari jumlah perkataannya, masing-masing, terdapat dalam senarai kosa kata tersebut. Secara keseluruhan, hanya 44% sahaja kekerapan perkataan dalam ketiga-tiga teks itu, atau dengan kata lain, kurang dari separuh jumlah perkataan kesemuanya. Hal ini menunjukkan bahawa perkataan-perkataan yang digunakan dalam buku teks Bahasa Arab Diploma Darul Quran adalah perkataan-perkataan yang sukar.

Untuk ciri kata serapan, iaitu perkataan Arab yang terdapat dalam bahasa Melayu (kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu) seperti sebab, maut dan mahir hanya 4.31% sahaja daripada jumlah perkataan dalam ketiga-tiga teks ujian merupakan kata serapan. Teks 1 mengandungi 14 perkataan serapan dengan peratusan sebanyak 3.3%, Teks 2 mengandungi 26 perkataan bersamaan 5.76%, manakala dalam Teks 3 pula terdapat 14 perkataan iaitu 3.6%. Ini menunjukkan bahawa jumlah kata serapan adalah sangat kecil dan majoriti perkataan dalam ketiga-tiga teks adalah perkataan bukan serapan. Hal ini juga menjadi indikator kepada kesukaran dalam memahami teks.

Bagi ciri perkataan yang melibatkan makna, iaitu kata konkrit seperti "هاتف", "دراجة", "سيارة" dan kata abstrak seperti "حدث", "فخمة", "كرم", walaupun peratusan keseluruhan bagi kedua-duanya adalah rendah, dengan kata konkrit sebanyak 4.47% dan kata abstrak sebanyak 35.6%, jumlah kata abstrak dalam ketiga-tiga teks mengatasi jumlah kata konkrit dengan perbezaan yang agak besar. Dalam Teks 1, jumlah kata konkrit adalah sebanyak 29 patah perkataan (6.9%) berbanding 207 patah perkataan abstrak (49.2%). Dalam Teks 2 pula, terdapat 17 perkataan konkrit (3.76%) sedangkan perkataan abstrak berjumlah 147 patah perkataan (32.59%). Manakala dalam Teks 3, perkataan konkritnya hanya berjumlah 10 patah perkataan (2.6%), sangat sedikit berbanding perkataan abstraknya yang berjumlah 92 patah perkataan (24.2%). Sebagaimana ciri kata serapan, dapatan ini juga menunjukkan jumlah kata konkrit dan abstrak dalam ketiga-tiga teks ujian adalah sedikit dan tidak mencapai tahap majoriti.

Seterusnya, bagi perkataan berkaitan ciri binaan kata terbitan, iaitu kata berimbuhan seperti "استفعل", "تفعل", "فاعل" dan kata berderivasi seperti "كاتب", "مكتوب", "كتابة", peratusan kumulatif yang diperolehi juga adalah sangat rendah. Kata berimbuhan mewakili hanya 4.63% iaitu 58 patah perkataan sahaja daripada jumlah keseluruhan perkataan, manakala peratusan kata berderivasi pula lebih sedikit iaitu hanya 3.67% mewakili 46 patah perkataan sahaja berbanding kata berimbuhan. Dalam Teks 1, jumlah kata berimbuhan adalah 9 patah perkataan (2.1%), sedangkan kata berderivasi lebih tinggi iaitu berjumlah 25 patah perkataan (5.95%).

Sebaliknya dalam Teks 2, bilangan kata imbuhan lebih banyak, iaitu 19 patah perkataan (4.2%), berbanding 11 patah perkataan berderivasi yang mewakili hanya 2.4%. Manakala Teks 3 mengandungi 30 patah perkataan berimbuhan (7.89%) dan 10 patah perkataan berderivasi (2.63%). Ini menunjukkan ciri kata berimbuhan adalah ciri linguistik kategori perkataan yang agak tinggi berbanding kata berderivasi bahkan, data menunjukkan ciri kata berderivasi memperoleh skor yang paling tercorot dalam kajian ini.

Tambahan dari kriteria di atas, pengkaji telah menambahkan satu lagi kriteria kata dalam kajian iaitu kata dasar. Bagi jumlah keseluruhan kata dasar pula, sama seperti kata-kata yang lain, mendapat nilai skor yang rendah iaitu hanya 10.3% sahaja dengan jumlah perkataan sebanyak 129 patah perkataan. Dalam Teks 1, jumlahnya adalah 37 patah perkataan bersamaan 8.8%, manakala Teks 2 pula sebanyak 28 patah perkataan bersamaan 6.2% dan akhir sekali Teks 3 yang mendapat 64 perkataan iaitu 16.8%.

Oleh yang demikian, disebabkan dapatan bagi kosa kata yang dikaji tidak memperoleh peratusan majoriti, pengkaji menyimpulkan bahawa teks yang digunakan adalah berada pada tahap yang sukar.

Kategori Ayat

Manakala untuk kriteria ciri-ciri linguistik kategori ayat kajian ini telah menjalankan analisis ayat dibuat empat pembahagian berikut iaitu, Ayat Kompleks, Ayat Mudah, Ayat Namaan dan Ayat Kerjaan. Berikut adalah keputusan analisis yang telah dibuat dan disemak dan disahkan oleh pakar.

Jadual 4: Kekerapan dan peratusan ciri linguistik mengikut kategori ayat


Kumpulan	Kriteria	Teks 1 (45 ayat)		Teks 2 (25 ayat)		Teks 3 (31 ayat)		Jumlah (101 ayat)	
		<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%
1	Ayat Mudah	23	51	4	16	7	23	34	34
	Ayat Kompleks	26	57	22	88	24	77	72	71
2	Ayat namaan	28	62	16	64	10	32	54	53
	Ayat kerjaan	17	38	9	36	21	68	47	47

Analisis terhadap kumpulan pertama menunjukkan ayat kompleks lebih banyak berbanding ayat mudah dalam setiap teks dan secara keseluruhan. Dalam teks 1 yang berjumlah 45 ayat, 57% atau 26 ayat daripadanya adalah ayat kompleks. Manakala sebanyak 21 ayat (51%) pula dikategorikan sebagai ayat mudah. Walaupun perbezaannya sedikit, tetapi ayat kompleks tetap mendominasi teks. Begitu juga dalam teks 2. Ayat kompleks yang berjumlah 22 ayat (88%) mengatasi ayat mudah yang hanya berjumlah 4 ayat (16%). Senario yang sama juga terdapat dalam teks 3 yang berjumlah 31 ayat. Hanya 7 ayat sahaja atau 23% dikategorikan sebagai ayat mudah. Selebihnya adalah ayat kompleks yang mewakili 77%.

Secara keseluruhannya, didapati wujud perbezaan yang ketara antara dua kategori ayat tersebut. Daripada keseluruhan ayat yang berjumlah 101 ayat, bilangan ayat mudah hanya 34 ayat dengan peratusannya sebanyak 34%, sementara lebih daripada 2/3 keseluruhan jumlah ayat dalam ketiga-tiga teks tersebut adalah ayat kompleks.

Bagi kumpulan ayat namaan dan ayat kerjaan pula, perbezaan antara kedua-dua kategori ayat ini agak kurang ketara. Bilangan ayat kerjaan ialah 47 daripada 101 bilangan kesemua ayat. Bilangan ayat namaan pula ialah 54. Majoriti ayat dalam ketiga-tiga teks adalah daripada kategori ayat namaan. Ayat namaan yang dimulakan dengan kata nama juga terdapat dalam bahasa Melayu sedangkan ayat kerjaan yang dimulakan dengan kata kerja hanya terdapat dalam bahasa Arab.

Dalam rajah 1 berikut ditunjukkan perbezaan secara keseluruhan antara kumpulan ayat kompleks dan mudah, dan kumpulan ayat namaan dan kerjaan.



Rajah 1 Histogram perbezaan peratusan kumpulan ayat secara keseluruhan

Jika dilihat kepada setiap teks ujian dalam rajah 1, terdapat perbezaan peratusan yang ketara antara ayat namaan dan ayat kerjaan pada teks 1 dan teks 2. Dalam teks 1 yang berjumlah 45 ayat, ayat namaan membentuk 62% (28 ayat) berbanding ayat kerjaan dengan 38% (17 ayat) manakala dalam teks 2 yang berjumlah 25 ayat, 64% (16 ayat) daripada jumlah ayatnya adalah ayat namaan sedangkan ayat kerjaan hanya 36% (9 ayat). Berlainan dengan teks 3 yang berjumlah 31 ayat, ayat kerjaan lebih banyak daripada ayat namaan yang hanya 32% (10 ayat).

Analisis terhadap ayat-ayat dalam ketiga-tiga teks ujian klot di atas menunjukkan ayat yang mendominasi teks ialah ayat kompleks yang mempunyai pengaruh yang besar terhadap pemahaman pelajar. Walaupun dari sudut lain ayat namaan yang juga ada dalam bahasa Melayu lebih banyak berbanding ayat kerjaan yang hanya ada dalam bahasa Arab, namun pengaruh faktor kesamaan tersebut kepada pemahaman pelajar Melayu tidak begitu besar berbanding ayat kompleks. Hal ini demikian kerana fokus ayat namaan atau kerjaan hanya kepada perkataan yang berada di permulaan ayat sedangkan ayat kompleks adalah gabungan beberapa ayat pendek yang membentuk ayat yang lebih panjang dengan jumlah perkataan yang lebih banyak. Ternyata ayat panjang yang mengandungi banyak perkataan pengaruhnya terhadap pemahaman pelajar tidak boleh diabaikan.

Memahami ciri linguistik yang menyumbang kepada kebolehbacaan teks bahasa Arab boleh memberi manfaat kepada kedua-dua pengajaran dan pembelajaran kurikulum bahasa Arab untuk pengajian peringkat diploma. Ia boleh menjadi panduan untuk pemilihan atau pembangunan bahan bacaan yang berkesan untuk pelajar bukan jati. Pengenalpastian ciri linguistik yang membantu (dan merugikan) dalam teks Arab harus dijelaskan kerana ia bakal membolehkan penilaian terhadap kebolehbacaan teks tersebut sekaligus buku teks tersebut boleh diselaraskan dengan tahap penguasaan bahasa pelajar.

Kesimpulan

Secara konklusinya, kajian ini mencadangkan bahawa teks dalam buku kursus bahasa Arab yang dipelajari oleh pelajar peringkat diploma di Darul Quran JAKIM haruslah sesuai dengan tahap penguasaan bahasa Arab mereka. Ciri-ciri linguistik yang terkandung di dalamnya sewajarnya berperanan meningkatkan kebolehbacaan sekaligus kebolehfahaman mereka terhadapnya. Ini adalah langkah penting dalam mempertimbangkan kesesuaian teks berkenaan dengan tahap penguasaan pelajar dalam memastikan proses membaca yang berkesan dan menggalakkan pelajar mempelajari bahasa Arab. Dapatan kajian diharap dapat memberi dorongan kepada kajian lanjutan dalam pembelajaran bahasa Arab di Malaysia dan konteks bukan penutur jati yang lain. Berdasarkan dapatan kajian ini, dapatlah disimpulkan bahawa teks-teks bahasa Arab untuk pelajar amatlah perlu digubal atau dipilih dan disusun dengan penuh teliti mengikut tingkatan pembelajaran dan ciri-ciri linguistik yang didapati mempunyai perkaitan dengan tahap kebolehbacaan.

Rujukan

- Abdul Razif Zaini, Muhd Haron Husaini, Khairil Asyraf Elias & Mohd. Zaki Abd. Rahman. 2016. Arabic text readability measurement tool (atr-mt): inovasi dalam pembinaan ujian klot bahasa arab berbantuan komputer. *MyJurnal* 3(1)
- Al-Khalifa, H. S. & Al-Ajlan, A. A. (2010). Automatic Readability Measurements of The Arabic Text: An Exploratory Study. *The Arabian Journal for Science and Engineering*, 35(2C), 103 – 124
- Berasaskan Ujian Klot dalam Kalangan Pelajar di SMKA. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 11(2), 53-66.
- Chall, J.S. 1974. *Readability: an appraisal of research and application*. Cetak ulang. Epping, Essex: Bowker Publishing Company.
- Gu, Y., & Johnson, R. (1996). Vocabulary Learning Strategies and Language Learning Outcomes. *Language Learning*, 46, 643-679.
- Gunning, R. 1969. The FOG Index after twenty years. *Journal of Business Communication* 6(2): 3-13.
- Harrison, C. 1980. *Readability in the classroom*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Harun, B., & Zawawi, I. (2014). Vocabulary Learning Strategies and Arabic Vocabulary Size among Pre-University Students in Malaysia. *International Education Studies*, 7, 219-226.
- Kamarulzaman Abdul Ghani, (2011) Kebolehbacaan Buku Teks Bahasa Arab Tinggi
- Kamarulzaman Abdul Ghani, Ahmad Sabri Noh and Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. 2017. Ciri-ciri linguistik dalam buku teks berbahasa Arab dan hubungannya dengan tahap kebolehbacaan teks di Malaysia. *GEMA Online Journal of Language Studies* 17(3):152–166. <https://doi.org/10.17576/gema-2017-1703-10>.
- Kamarulzaman Abdul Ghani, Ahmad Sabri Noh and Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. 2014. Linguistic features for development of Arabic text readability formula in Malaysia: A preliminary study. *Middle-East Journal of Scientific Research* 19(3):319–331.

- Khadijah Rohani Md. Yunus. 1982. An assessment of the structure variables in Malay: a readability formula. Disertasi Ph.D. University of Miami, Florida.
- Khadijah Rohani Md. Yunus. 1987. Formula kebolehbacaan: satu cara objektif untuk menentukan tahap kebolehbacaan bahan-bahan bacaan. *Jurnal Dewan Bahasa* April: 274-288.
- Klare, G.R. 1969. *The Measurement of Readability*. 3rd Ed. Iowa: Iowa States University Press
- Lane, Edward William. 2005. *An Account of The Manners and Customs of The Modern Egyptians. Written In Egypt During the Years 1833—1835*. Digital Version. Macionis, John J Gerber, Linda Marie. 2011. *Sociology*. Toronto: Pearson Prentice Hall.
- Leyde, E. J. Brill. 1978. *My Life. The Autobiography of an Egyptian Scholar, Writer and Cultural Leader, traduction et introduction de Issa Boullata*. Tempat Terbit: Penerbit.
- Margarett K. Nydell. 2012. *Understanding Arabs: A Contemporary Guide to Arab Society*. Nicholas Brealey Publishing.
- Mat Taib, P., dan I. Mohd Rosdi. 2006. *Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Di Malaysia*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd Fadzli Ismail. 2022. Kebolehbacaan Buku Teks Bahasa Arab Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) Tingkatan Empat di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan(SABK). Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan. UKM
- Pintrich, P.R., 1999. The role of motivation in promoting and sustaining self-regulated learning. *International Journal of Educational Research*, 31:459-470.
- Rosni Samah. 2012. Pembinaan Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama. *GEMA Online Journal of Language Studies* 12: 555–569.
- Stenner, A.J. 1996. *Measuring reading comprehension with the Lexile Framework*. Durham: MetaMetrics, Inc.
- Tu'aymah, R.A. 1985. *Dalil 'amal fi 'i'dad al-mawadd al-ta'limiyyah li baramij ta'lim al-'Arabiyyah*. Makkah al-Mukarramah: Jami'ah Umm al-Qura.
- William Shepard. 1980. The Dilemma of a Liberal Some Political Implications in the Writings of the Egyptian Scholar, Ahmad Amin (1886-1954). *Middle Eastern Studies*. 16 (2): 85.
- Yunus, F. (1975). *Al-Inqiraiyah. Educational Documentation Journal*, 13.
- Zamanian, M. and P. Heydari (2012). Readability of Texts: State of the Art. *Theory and Practice in Language Studies*. Vol. 2(1), 43-44.
- Zulazhan Ab. Halim. 2012. Kebolehbacaan buku teks Balaghah Sijil Tinggi Agama Malaysia di sekolah-sekolah Menengah Agama Negeri. Tesis Dr. Fal., Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia